

CNS5929.

R GB 09-07 00181 BH383

bah

KERAJAAN PUSAT TAK AKAN BERUNDING JIKA ADA TEKANAN

Mahathir - Peryau

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Kerajaan Pusat tidak boleh berunding dengan Kerajaan Kelantan mengenai projek hidro-elektrik Pergau jika ada tekanan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Kita tak boleh berunding waktu ini kerana kita tak boleh berunding di bawah tekanan,+ kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dan dialog tertutup dengan ahli-ahli akademik di Pusat Islam di sini.

Beliau menjawab pertanyaan sama ada keadaan untuk berunding semakin rumit ekoran tindakan Pejabat Tanah dan Jajahan Kelantan yang dikatakan merampas kunci empat buah lori pengangkut batu kerikil milik Tenaga Nasional Berhad di kawasan projek itu dua malam lepas.

Perdana Menteri berkata jika benar laporan akhbar mengenai perkara itu, tindakan berkenaan adalah salah kerana +kita tak boleh sentuh harta benda orang+.

Sabtu lepas kerajaan negeri menyekat dua daripada empat jalan masuk ke tapak binaan projek \$1,300 juta itu dan berkeras tidak akan membukanya selagi perjanjian antara kerajaan pusat dan negeri mengenai projek itu belum ditandatangani.-- Lagi

▼09/07/15-31MST

CNS5932

R GB 09-07 00083 BH384

bah

Mahathir - Pergau 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa tindakan menutup jalan itu merupakan amaran kerajaan Kelantan kepada Pusat supaya menandatangani segera perjanjian rasmi mengenai projek itu, Dr Mahathir berkata:

+Saya tidak tahu sama ada itu benar ... tapi Yang saya tahu dia ada memintahendak berjumpa dengan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan walaupun telah ditentukan, tapi dia tidak datang,+ katanya: -- Bernama

C